



## *Anugerah Khas* KESELAMATAN PERLINDUNGAN 2021

**MENARIK DI DALAM**

▶▶ 2



BENGKEL SASARAN KERJA  
TAHUNAN DAN PENILAIAN  
STRATEGIK 2022

▶▶ 3



LAWATAN KERJA  
YB SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI PERAK

▶▶ 7



MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN  
CEMERLANG 2021

## BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN 2022, PENILAIAN PELAN STRATEGIK 2020-2021 DAN RETRET TUGAS-TUGAS KHAS



Satu bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2022, Penilaian Pelan Strategik 2020 – 2021 dan Retret Tugas-Tugas Khas Majlis Daerah Kerian telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Adya Chenang, Langkawi, Kedah pada tarikh 21 Januari 2022 hingga 24 Januari 2022. Bengkel 4 hari 3 malam ini bertujuan untuk menilai semula pencapaian SKT jabatan 2021, membentangkan SKT 2022 dan menilai pencapaian Penilaian Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian 2019 hingga 2023. Seramai 33 orang telah hadir yang terdiri dari pengurusan tertinggi iaitu Yang Dipertua, Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit termasuk anggota kerja lain telah bersama-sama berbincang dan memberi pandangan berkaitan hala tuju MDK. Ia berfokus dan berstrategik yang jitu bagi merealisasikan perancangan, pembangunan dan sistem penyampaian perkhidmatan dalam memenuhi kehendak pelanggan dengan cekap dan berkesan.



## AMALAN PEREKITARAN BERKUALITI 5S PERINGKAT MAJLIS DAERAH KERIAN



**11 Februari** – Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Sagu hati Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Majlis Daerah Kerian kepada enam penerima telah disempurnakan oleh Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis Daerah Kerian merangkap Pengerusi Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Majlis Daerah Kerian. Sebanyak lapan zon terlibat dalam pertandingan siri pertama yang diadakan pada 30 Mac 2021 dan siri kedua yang diadakan pada 19 November 2021. Bagi siri pertama, tempat pertama dirangkul oleh zon Zamrud, tempat kedua zon Firus dan tempat ketiga zon Citrine manakala bagi siri kedua tempat pertama dirangkul oleh zon Ruby, tempat kedua zon Firus dan tempat ketiga zon Zamrud.

## LAWATAN KERJA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK KE DAERAH KERIAN



**20 Mei** – YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah meluangkan masa untuk mengadakan lawatan kerja Ke Daerah Kerian bagi mendapatkan penerangan dan meninjau pembangunan yang dilaksanakan di kawasan Dennistown. Ketibaan YB Dato' Setiausaha telah disambut oleh Pegawai Daerah Kerian Tuan Haji Mohd Sabli bin Bakri serta Ketua-ketua jabatan daerah. Rombongan YB Dato' Setiausaha turut dihadiri oleh YBRS. Puan Halizah binti Sipun Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan Puan Mufidah binti Mahfooz Timbalan Pengarah Kanan Kerajaan Tempatan. YB Dato' Setiausaha mendengar taklimat berkaitan pembangunan sedia ada di Kawasan Dennistown serta perancangan masa hadapan di Kawasan berkenaan bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian dan Seterusnya beliau dibawa melawat ke tapak projek untuk meninjau keadaan semasa pembangunan. YBRS. Puan Halizah binti Sipun Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan Puan Mufidah binti Mahfooz Timbalan Pengarah Kanan Kerajaan Tempatan turut melawat tapak pelupusan sampah di Lembah Beriah dan mendengar taklimat daripada Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Daerah Kerian berkaitan penyediaan tapak pelupusan sampah yang baharu berikutan tapak yang sedia tidak dapat menampung jumlah sampah harian untuk tempoh masa yang panjang.

## LAWATAN KERJA SETIAUSAHA BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN



**16 Feb** – Majlis Daerah Kerian sangat berbesar hati kerana telah menerima kunjungan dari Puan Mufidah Binti Mahfodz, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan. Kunjungan Timbalan Pengarah Kanan telah disambut oleh Yang Dipertua Majlis serta semua ketua-ketua jabatan. Seterusnya beliau telah diberi taklimat berkaitan latar belakang serta isu-isu berkaitan majlis yang telah disampaikan oleh Puan

Setiausaha Majlis. Di akhir program, beliau dibawa ke Ban Pecah Tanjung Piandang untuk melawat lokasi pembangunan pelancongan Daerah Kerian.

## LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH SELAMA KE MAJLIS DAERAH KERIAN

**21 Jun** - Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan daripada Majlis Daerah Selama bagi tujuan perkongsian ilmu berkaitan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan. Lawatan ini diketuai Norzahani Binti Zaini - Penolong Pegawai Tadbir bersama 2 orang anggota Majlis Daerah Selama. Perkongsian ilmu ini dikendalikan oleh Rose Aniza Binti Sadri - Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan dan Mohamad Saddam Bin Jamaluddin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat



## BENGKEL

### PENGURUSAN DAN PELUPUSAN REKOD



**11 Mei** – Jabatan Khidmat Pengurusan telah menganjurkan satu Bengkel Pengurusan Dan Pelupusan Rekod. Bengkel yang diadakan selama 2 hari melibatkan pembantu tadbir di semua bahagian dan jabatan dalaman majlis. Taklimat bengkel berkenaan disampaikan oleh Encik Saifurnizam bin Yaacob dari Jabatan Arkib Negara. Bengkel yang diadakan ini bertujuan memberi pengetahuan kepada semua pembantu tadbir tatacara pengurusan serta pelupusan rekod secara sistematik dan mengikut SOP yang telah ditetapkan.

## KUNJUNGAN HORMAT PENGHULU-PENGHULU MUKIM DAERAH KERIAN KE PEJABAT MAJLIS DAERAH KERIAN



**23 Mac 2022** - Pihak Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan daripada penghulu-penghulu mukim daerah Kerian. Rombongan diketuai oleh Encik Ahmad Jaiz bin Rofiee, Penghulu Tertinggi Daerah Kerian bersama orang penghulu mukim. Satu sesi townhall telah diadakan untuk tukar pandangan, perkongsian ilmu dan percambahan pendapat diantara penghulu-penghulu mukim, pengurusan majlis serta Ahli-Ahli Majlis.

## KUNJUNGAN HORMAT

### YB. TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

**28 Mac** - Majlis Daerah Kerian amat berbesar hati kerana telah menerima kunjungan hormat daripada YB. Senator Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal Timbalan Menteri Perpaduan Negara. Kunjungan YB. Senator disambut oleh Yang Dipertua Majlis Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh serta Ketua-Ketua Jabatan Majlis. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan Kerjasama strategik yang boleh dilaksanakan antara Pejabat YB. Timbalan Menteri dan pihak Majlis Daerah Kerian. Yang Dipertua Majlis turut membentangkan maklumat asas berkaitan majlis dan perancangan pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan di daerah Kerian.



## PROGRAM TAKLIMAT AGENSI-AGENSİ KERAJAAN BERSAMA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) KERIAN

**7 Mac** – Satu program taklimat daripada agensi-agensi kerajaan peringkat daerah Bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) daerah Kerian telah dilaksanakan di Dewan Kaloı, Bukit Merah Laketown Resort. Taklimat telah disampaikan oleh wakil Penghulu Mukim, Majlis Daerah Kerian, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Polis Daerah Kerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kerian. Majlis dirasmikan oleh YB. Haji Razman bin Haji Zakaria Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak merangkap ADUN Gunung Semanggol. Program ini bertujuan untuk perkongsian maklumat berkaitan fungsi dan peranan setiap agensi.



## PROGRAM TOWNHALL : PEMUTIHAN KAMPUNGSTAY & AKUAKULTUR

Majlis Daerah Kerian dengan Kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Kerian telah mengadakan satu sesi libat urus berkaitan perancangan pelaksanaan pemutihan bagi perniagaan akuakultur dan pembangunan pelancongan kampungstay. Taklimat disampaikan oleh Encik Anas bin Dolah, Pegawai Perancang Bandar MDKerian dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Dr. Nasreen Khanum binti Wahab Zadah Khan kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat. Sesi libat urus ini juga turut dihadiri oleh wakil Jabatan Perikanan daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran Kerian, Jabatan Pertanian daerah Kerian serta ahli majlis. Program ini bertujuan membantu pengusaha yang terlibat agar memperoleh kebenaran pengoperasian secara sah mengikut syarat serta undang-undang yang telah ditetapkan





# Kempen PENGIHAUAN KERIAN

Program ini adalah bersempena dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Januari 2021 dan juga Inisiatif Penanaman Pokok Di Negeri Perak yang telah bermula pada 2020. Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia. Kempen ini mensasarkan penanaman 100,000 pokok di peringkat negeri Perak dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

**Tarikh** : 27 Feb 2022

**Tempat** : Kampung Sungai Protan, Selinsing & Ban Pecah

**Penglibatan** : Peserta Kursus Advanced Leadership And Management (ALMP) Series 72 No.1/2022 Kerajaan Negeri Perak (UPEN)



**Tarikh** : 08 Mac 2022

**Tempat** : Perkarangan Masjid Daerah Kerian

**Penglibatan** : Jawatankuasa Masjid





# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG 2021

**25 Mac** – Majlis Daerah Kerian telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang bagi tahun 2021 bertempat di Dewan Sebarau Bukit Merah Laketown Resort bagi menghargai anggota kerja yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam meningkatkan mutu perkhidmatan serta imej majlis.

Pada majlis anugerah kali ini, seramai 16 anggota kerja menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 15 anggota kerja menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji serta turut meraikan 8 anggota kerja yang telah bersara. Majlis telah dirasmikan oleh YB. Dato' Norlee Ashilin binti Dato' Mohamed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak.

YB. Exco juga turut melancarkan Pelan Strategik Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Majlis Daerah Kerian 2020-2030 serta Peta Pelancongan Daerah Kerian. Majlis turut dihadiri oleh wakil Tuan Pegawai Daerah Kerian serta Ahli-Ahli Majlis. Majlis yang diadakan pada kali ini berbeza berbanding tahun sebelumnya kerana ditetapkan tema klasik dan tradisional



## PELANCARAN

### PROGRAM PELANCONGAN DOMESTIK MUKIM SEMANGGOL

**9 Mac 2022 (Sabtu)** - YB Dato' Dr Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan 1 merangkap Ahli Parlimen Bagan Serai telah merasmikan pelancarkan Program Pelancongan Domestik Mukim Semanggol, Daerah Kerian di Dataran Kampung Padang Lalang, Semanggol. Turut hadir Orang Besar Jajahan Kerian, YBhg Orang Kaya Kaya Shahbandar Paduka Indera Ahmad Raziff Bin Dato' Seri Mohamad Zulkifli., A.M.P, Pegawai Daerah Kerian, Tuan Haji Mohd Sabli bin Bakri serta Ketua-ketua Jabatan Daerah Kerian.



## AUDIT PERSIJILAN QE / 5S

### MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2022

**13 April** – Majlis Daerah Kerian telah berjaya menyambung persijilan 5S bagi tahun yang ke-11 dalam pengauditan 5S yang dijalankan pada hari ini. Kedatangan Encik Ahmad Fathan bin Abdul Rahim daripada MPC Wilayah Utara telah disambut oleh Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis Daerah Kerian bersama-sama pegawai-pegawai yang lain. Majlis Daerah Kerian telah berjaya mendapatkan Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S untuk tahun ke -11.



## PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)



**22 Feb** – Satu pengauditan dan pemeriksaan fizikal terhadap Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi Program Baik Pulih Rumah di Kawasan bandar telah diadakan oleh Jabatan Audit Negara. Pengauditan di ketuai oleh Encik Mohd Ariffin bin Abd Aziz Penolong Pengarah Audit Bahagian Prestasi 1 bersama 2 orang pegawai serta wakil dari Bahagian Kesejahteraan Komuniti Kemnterian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Rombongan telah disambut oleh Yang Dipertua Majlis dan taklimat telah disampaikan oleh Puan Setiausaha Majlis. Seterusnya, panel telah dibawa melawat periksa 10 buah rumah yang telah dilaksanakan baik pulih oleh pihak majlis.

## KAYUHAN SANTAI TAHUN 2022



**1 Jan** – Satu Program kayuhan telah diadakan melibatkan semua ketua-ketua jabatan dan agensi daerah Kerian bersama Yang Berhormat ADUN. Kayuhan diketuai oleh YB Dato' Abdul Yunus bin Jamahri ADUN Kuala Kurau bersama YB Razman bin Zakaria ADUN Semanggol. Program bermula di perkarangan Majlis Daerah Kerian ke Ban Pecah Tg. Piandang melibatkan jarak sejauh 35 kilometer. Majlis pelepasan peserta kayuhan disempurnakan oleh Selinsing YB Mohamad Noor bin Dawoo ADUN Selinsing. Kempen Penghijauan Kerian juga turut diadakan pada masa yang sama bertempat di Ban Pecah dengan mengadakan Program Tanaman Pokok Sempena Tahun Baru 2022 di Kawasan pembangunan pelancongan Ban Pecah.

## LAWATAN

### PENANDAARASAN KE MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN (MPTI)



**28 Mac 2022** - Lawatan sambil belajar ke Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) yang diketuai oleh Setiausaha Majlis Daerah Kerian (MDK) Puan Norhafisah binti Haji Mohamad bersama Ketua Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Ketua Jabatan Kesihatan Persekitaran dan anggota kerja Majlis. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi idea dan pendapat bersama pasukan inovasi KIK EForce berkaitan projek "Drive Throw" yang mana boleh mengatasi masalah longgokan sampah dan pembuangan sampah haram. Lawatan ini disambut baik oleh Puan Setiausaha MPTI, Puan Ramdhatun Ajma binti Jemail. Selain itu, pasukan MDK juga telah melawat ke Dataran Bagan Datuk dan Pulau Bangau bagi sesi pembelajaran dalam pembangunan dan keindahan tempat-tempat ekopelancongan

## MAJLIS

### ANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI MAJLIS DAERAH KERIAN



**31 Mac 2022** - Majlis angkat sumpah sebagai Ahli Majlis Majlis Daerah Kerian telah diadakan di Bilik Alamanda oleh 2 orang ahli majlis yang baharu iaitu Encik Zainal Abidin bin Mohamad Dan Encik Muirthy A/L Kanapathy bagi menggantikan Puan Zarina binti Abdol Majid dan Encik Ponnazakan A/L Pushpanathan. Pihak majlis merakamkan setinggi penghargaan diatas khidmat bakti yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan bersama Majlis Daerah Kerian & mengucapkan selamat berkhidmat kepada ahli majlis yang baru dilantik.

## BENGKEL ASAS KIK HORIZON BAHARU PERINGKAT MAJLIS DAERAH KERIAN

**25 Mei**- Majlis Daerah Kerian telah menganjurkan Bengkel Asas KIK Horizon Baharu peringkat Majlis Daerah Kerian pada 23 hingga 25 Mei 2022 bertempat di Majlis Daerah Kerian yang melibatkan 40 orang peserta dari lapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif. Program ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Encik Hussein bin Mohd Ariff, Presiden Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI). Penutupan bengkel KIK ini telah disempurnakan oleh Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis Daerah Kerian dan beliau mengharap melalui bengkel yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada semua kumpulan Inovatif dan Kreatif dalam menghasilkan produk pada masa akan datang.



## PENILAIAN PERTANDINGAN PENGIKTIRAFAN TANDAS AWAM BERSIH (PTAB)



**07 Jun** - Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan daripada Panel Penilai bagi Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih (PTAB) Peringkat Kebangsaan Tahun 2021/2022. Kunjungan penilaian ini diketuai oleh Encik Abu Hassan Bin Alis, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran KPKT dan 2 orang panel juri yang lain. Turut hadir sama dalam sesi penilaian ini Setiausaha Majlis, Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad, Ketua Jabatan Kesihatan Persekitaran, Encik Mohd Zabidi Bin Nun dan beberapa anggota Majlis. Bagi pertandingan pada tahun ini, pihak majlis telah menyertai dua (2) kategori pertandingan iaitu Kategori Tandas Awam Bandaran dan Kategori Tandas Hentian Pengangkutan Awam. Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertujuan untuk mewujudkan tandas awam yang bersih, selesa dan selamat digunakan oleh

## LAWATAN PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG (SPB) PIHAK BERKUASA TEMPATAN



**8 Jun**- Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan daripada Panel Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang diketuai oleh Puan Raihani binti Che Mamat, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir sama 6 penilai dari pasukan inspektorat tersebut. Kunjungan ini disambut oleh Yang Dipertua Majlis, Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh, Setiausaha Majlis, Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad dan ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit Majlis Daerah Kerian.

## ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2021

**09 Jun 2022** - Majlis Daerah Kerian telah mendapat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2021 bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan sempena Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Anugerah ini telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir sama dalam konvensyen ini Yang Dipertua Majlis, Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh, Setiausaha Majlis, Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan, Cik Rose Aniza binti Sadri dan anggota kerja Majlis Daerah Kerian





# MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI 2021

TARIKH : 28 MEI 2022 (SABTU)  
TEMPAT : DEWAN KERIAN PERMAI



## PROGRAM TURUN PADANG



**02 Jun** - Satu perbincangan telah diadakan berkaitan penyerahan jalan oleh Pihak MK Land Holding Berhad serta menyediakan kemudahan kutipan sampah berpusat di Bukit Merah Laketown Resort, Semanggol. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis, Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh yang turut hadir bersama Ketua Jabatan Kejuruteraan, Ketua Jabatan Perancang Bandar & Landskap,

Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta dan Ketua Jabatan Kesihatan Persekitaran. Perbincangan ini melibatkan wakil pihak MK Land Holding Berhad iaitu Tuan Haji Mustafa Kamarul Zaman bin Abu Bakar (Deputy Chief Operation Officer), Tuan Haji Mustafa Kamal bin Hawari (Senior General Manager), Tuan Haji Holil bin Dahlan (Consultant MK Land), Muhammad Izzudin bin Nor Hayuti (Technical Department) dan Sirajuddin bin Ibrahim (Property Management Department).

## PEMANTAUAN ADUAN KOLAM UDANG

Satu sesi lawatan turun padang telah diadakan oleh pihak Majlis Daerah Kerian dengan Kerjasama Pejabat Daerah dan tanah Kerian untuk melihat dan memantau aduan berkaitan pencemaran dari kolam penternakan udang di Kawasan Kuala Bagan Tiang. Lawatan tersebut turut dihadiri oleh YB. Encik Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri Perak; YB Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim Adun Titi Serong, dan Jabatan Perikanan Daerah Kerian. Lawatan diadakan untuk mengenalpasti punca berlakunya pencemaran di Kawasan berhampiran yang diadukan oleh penduduk serta nelayan sekitar. Perbincangan juga telah dilakukan Bersama salah satu pemilik kolam ternakan untuk mencari mekanisme bagi mengurangkan pelepasan air rawatan ke sungai berhampiran yang menyebabkan berlakunya pencemaran.



## OPERASI PENGUATKUASAAN KAWALAN PERNIAGAAN



Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasaan Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu operasi pemantauan dan pematuhan perniagaan di Kawasan Parit Buntar. Operasi diketuai oleh Puan Norhafisah Binti Mohamad Setiausaha Majlis dan Turut dihadiri oleh beberapa orang Ahli Majlis di dalam Jawatankuasa berkenaan. Operasi berkenaan diadakan bagi memantau dan memastikan peniaga mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

## PERTANDINGAN GERAJ BAZAR RAMADAN BERSIH DAN CANTIK 2022

### PARIT BUNTAR



### BAGAN SERAI



Penyampaian Sijil Penghargaan dan Hadiah Pertandingan Gerai Bazar Ramadan Bersih dan Cantik 2022 anjuran Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah disempurnakan oleh Setiausaha Majlis puan Norhafisah binti Mohamad bersama ahli majlis Clr Encik Sallehudin bin Abdullah dan Clr Encik Shamsul bin Hussain di Bazar Ramadan Jalan Syed Thaupy Bagan Serai pada 25 April 2022 dan Bazar Ramadan Perkarangan Dewan Kerian Permai, Parit Buntar pada 27 April 2022. Pertandingan ini diadakan bagi menghargai peniaga yang mematuhi syarat2 kebersihan dan keselamatan makanan.

## PROGRAM KEMISKINAN BANDAR DI BAWAH PELAN TINDAKAN KEMISKINAN LOCAL AGENDA (LA) 21 KERIAN



Majlis Daerah Kerian (MDK) meneruskan tradisi pada tahun ini untuk membantu meringankan bebanan golongan asnaf sempena Ramadhan dan sambutan hari raya aidilfitri yang akan disambut beberapa hari lagi. Bantuan berupa barangan harian dan keperluan sambutan hari lebaran telah disampaikan oleh Yang diPertua Majlis Daerah Kerian dan turut dihadiri oleh Setiausaha Majlis Daerah Kerian serta beberapa orang ketua jabatan. Majlis pada kali ini mendapat kerjasama Penghulu Mukim Parit Buntar dan Penghulu Mukim Bagan Serai dan diserahkan di kedua-dua pejabat penghulu terlibat. Program ini bukan sahaja mampu mendekatkan masyarakat dengan MDK tetapi juga bagi menjayakan Pelan Strategik SDG MDK 2030 iaitu Kriteria 1 – 'No Poverty' dan Kriteria 2 – 'Zero Hunger' melalui Program Local Agenda 21 (LA21). Semoga bantuan kecil ini mampu memberikan sedikit keceriaan kepada penerima.

## AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS DAERAH KERIAN

### PENYAMPAIAN SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN



### BANTUAN RAYA AIDILFITRI



### TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN



Program Tadarus dan khatam Al Quran selesai dilaksanakan di kalangan anggota kerja dan ahli majlis wanita Majlis Daerah Kerian. Program anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan MDK melibatkan seramai 30 orang peserta. Program tadarus bermula pada 15 April 2021 dan berakhir pada 7 Mei 2021. Tujuan diadakan program ini adalah untuk menghidupkan serta mengimarahkan bulan Ramadan dengan bacaan Al Quran. Semoga program ini dapat mendidik jiwa untuk sentiasa mengamalkan bacaan Al Quran dalam rutin seharian.

### TAZKIRAH SEMPENA BULAN RAMADAN



Tarikh : 27 April 2022  
Tajuk : Ramadan Madrasah Pembentuk Jati Diri dan Integriti  
Penceramah : YH. Dato' Ustaz Sharhan bin Shafie




Tarikh : 27 April 2022  
Tajuk : Ramadan Madrasah Penyucian Jiwa  
Penceramah : Dr. Robiah binti K.hamzah



# *Salam* **Aidil Fitri** **2021 | 1442H**

*Maaf Zahir dan Batin*

Ikhlas daripada : Warga Majlis Daerah Kerian



📍 No.1 Wisma MDK, Jalan Padang, 34200, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.

☎ +605 716 1228    📠 +605 716 9268    ✉ pentadbiran@mdkerian.gov.my

